

<p>Sila baca dan fahami Penyata Pendedahan Produk serta Terma Dan Syarat Kad Kredit Korporat Paydee Visa ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Kad Kredit Korporat Paydee Visa. Sila hubungi kami sekiranya anda tidak memahami atau tidak bersetuju dengan mana-mana dokumen ini.</p>	<p>Paydee Sdn Bhd Paydee Visa [insert date]</p>
<p>1. Apakah produk ini? Kad Kredit Visa Business menawarkan kemudahan kepada anda atau pekerja anda untuk membuat pembayaran bagi perbelanjaan korporat yang telah diluluskan oleh majikan. Sebarang jumlah yang dibelanjakan atau digunakan pada kad kredit yang tidak diselesaikan sepenuhnya pada atau sebelum tarikh matang akan tertakluk kepada caj kewangan.</p>	
<p>2. Apakah yang boleh saya dapat dari produk ini?</p> <p>(a) Had kredit Jumlah had kredit akan ditentukan oleh kami berdasarkan penilaian kredit terhadap majikan, dan akan dikongsi dalam kalangan semua pekerja dalam syarikat. Had kredit individu bagi setiap pekerja akan ditentukan oleh majikan.</p> <p>(b) Pengurusan perbelanjaan korporat Kami menyediakan perkhidmatan tambahan seperti membantu menjejak perbelanjaan pekerja secara langsung, pengurusan tuntutan dan gambaran keseluruhan perbelanjaan yang dibuat oleh semua kad kredit.</p> <p>(c) Sokongan khusus Perkhidmatan perbankan telefon khusus untuk pertanyaan berkaitan dengan Paydee Visa.</p> <p>(d) Manfaat Insurans Tertakluk kepada kelulusan dan pengecualian, perlindungan kemalangan diri sehingga RM 10,000 seperti yang ditaja jamin oleh Berjaya Somp Insurance Berhad. Sila rujuk kepada terma dan syarat yang berkaitan untuk butiran lanjut.</p> <p>(e) Transaksi ATM / Pendahuluan Tunai Jika diluluskan oleh kami, anda boleh menggunakan Paydee Visa di ATM yang memaparkan logo Visa atau di mana-mana institusi Visa untuk pengeluaran tunai, tertakluk kepada had kredit individu bagi setiap kad kredit.</p> <p>(f) Flex Perkhidmatan yang disediakan oleh entiti berkaitan kami untuk membolehkan anda membuat pembayaran kepada mana-mana pembekal anda di Malaysia. Penggunaan Flex adalah tertakluk kepada caj perkhidmatan.</p>	
<p>3. Apakah obligasi saya?</p> <p>(a) Bayaran balik bulanan minimum</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekurang-kurangnya 5% daripada jumlah baki tertunggak atau RM50.00, mana-mana yang lebih tinggi; dan</li> <li>• Bayaran ansuran bulanan bagi pelan ansuran atau pelan pindahan baki (jika ada).</li> </ul> <p>(b) Tempoh tanpa faedah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tempoh tanpa faedah selama 20 hari dari tarikh penyata (hanya untuk transaksi runcit), jika baki tertunggak dibayar sepenuhnya dan tepat pada masanya.</li> <li>• Jika baki tertunggak tidak dibayar sepenuhnya dan tepat pada masanya, caj kewangan ke atas transaksi runcit akan dikira dari tarikh transaksi diposkan.</li> </ul> <p>(c) Liabiliti bersama dan berasingan Kad Paydee Visa melibatkan liabiliti bersama dan berasingan antara syarikat dan pekerja. Ini bermaksud syarikat bertanggungjawab terhadap keseluruhan hutang bagi transaksi yang dibenarkan menggunakan kad yang dikeluarkan kepada pekerja atas permintaan syarikat, manakala pemegang kad akan bertanggungjawab terhadap hutang tersebut sekiranya syarikat gagal membuat pembayaran.</p> <p>(d) Anda mesti memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya anda menyedari atau mengesyaki bahawa kad anda telah hilang, dicuri, disalahgunakan, atau terlibat dalam transaksi yang tidak dibenarkan.</p>	
<p>4. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?</p> <p>(a) Fi tahunan : Percuma seumur hidup</p> <p>(b) Fi bulanan : RM5.00 untuk setiap kad</p> <p>(c) Pendahuluan tunai : Kadar tetap 5% daripada jumlah keseluruhan pendahuluan tunai atau minimum RM18.00, mana-mana yang lebih tinggi</p> <p>(d) Caj kewangan untuk pendahuluan tunai : 1.5% sebulan atau 18% setahun, dikira secara harian</p> <p>(e) Pengeluaran/pertanyaan akaun di PLUS / CIRRUS ATM : RM2.00 untuk setiap pertanyaan</p> <p>(f) Caj kewangan untuk pindahan baki : Dikira berdasarkan jumlah yang dipindahkan pada kadar yang telah ditetapkan secara harian untuk tempoh yang ditetapkan. Sebarang baki tertunggak daripada jumlah yang dipindahkan yang tidak dibayar sepenuhnya dalam tempoh yang ditetapkan akan tertakluk kepada caj kewangan sebanyak 1.5% sebulan atau 18% setahun, dikira secara harian.</p> <p>(g) Caj lebih had : Caj sebanyak 1% daripada jumlah lebihan akan dikenakan jika baki masih melebihi had kredit pada akhir kitaran bil</p> <p>(h) Penggantian kad : RM10.00 untuk penggantian pertama dan RM5.00 untuk setiap gantian seterusnya</p> <p>(i) Cukai perkhidmatan : RM25.00, menurut Akta Cukai Jualan 2018 dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 yang dikenakan semasa pengeluaran kad dan setiap tahun berikutnya atau sebahagiannya</p> <p>(j) Pertukaran bagi transaksi luar negara : Kadar pertukaran ditentukan oleh VISA International pada tarikh transaksi diproses + 1% kos pentadbiran</p> <p>(k) Penyata kad tambahan : RM5.00 setiap penyata bulanan</p> <p>(l) Flex : 1.5% daripada jumlah atau RM5.00, mana-mana yang lebih tinggi</p> <p>(m) Permintaan untuk draf jualan : RM14.15 untuk setiap salinan</p> <p>(n) Fi penyata kertas : RM1.00 untuk setiap penyata kad kredit bulanan dalam bentuk kertas</p> <p>(o) Caj kewangan untuk transaksi runcit</p>	
	<p>Kadar Faedah</p>

	Sebulan	Setahun
Bayaran tepat waktu 12/12 bulan	1.25%	15%
Bayaran tepat waktu 10/12 bulan	1.42%	17%
Bayaran tepat waktu kurang daripada 10/12 bulan	1.50%	18%
Pendahuluan tunai	1.50%	18%

Nota: Caj kewangan dikenakan ke atas tunggakan transaksi runcit dan pendahuluan tunai/transaksi pengeluaran yang belum dibayar selepas tarikh akhir pembayaran. Untuk transaksi runcit, caj kewangan dikira dari tarikh transaksi dipos sehingga bayaran penuh dibuat. Untuk transaksi pendahuluan tunai/pengeluaran, caj kewangan dikira dari tarikh transaksi sehingga bayaran penuh dibuat.

5. Bagaimana jika saya gagal memenuhi obligasi saya?
- (a)Caj pembayaran lewat: Caj sebanyak 1% daripada baki tertunggak akan dikenakan, tertakluk kepada caj minimum RM10.00 dan maksimum RM100.00.
- (b)Hak untuk memindah baki: Kami berhak untuk menolak sebarang baki kredit dalam akaun anda yang disimpan oleh kami atau syarikat berkaitan kami terhadap sebarang baki tertunggak dalam akaun kad kredit ini.
- (c)Akan bertanggungjawab terhadap transaksi tanpa kebenaran yang menggunakan PIN jika anda:
- melakukan penipuan;
  - lewat dalam memaklumkan kepada kami dengan secepat mungkin sebaik sahaja menyedari bahawa kad anda telah hilang atau penggunaan tanpa kebenaran kad kredit anda telah dilaksanakan;
  - mendedahkan PIN anda kepada orang lain secara sukarela; dan
  - merekodkan PIN pada kad kredit, atau pada apa-apa benda yang disimpan berdekatan kad kredit anda.
- (d)Anda akan bertanggungjawab untuk transaksi tanpa kebenaran yang memerlukan tandatangan atau kad tanpa sentuh, jika anda;
- melakukan penipuan;
  - lewat dalam memaklumkan kepada kami dengan secepat mungkin sebaik sahaja menyedari bahawa kad anda telah hilang atau penggunaan tanpa kebenaran kad kredit anda telah dilaksanakan;
  - meninggalkan kad kredit anda atau item yang mengandungi kad itu tanpa pengawasan, di tempat yang boleh dilihat dan boleh diakses oleh orang lain;
  - membenarkan orang lain menggunakan kad kredit anda secara sukarela.
- (e)Jika anda gagal mematuhi terma dan syarat penggunaan kad kredit Paydee Visa Korporat, kami berhak membatalkan kad dan akaun anda.
- (f) Kami berhak melantik ejen luar untuk membantu kami mendapatkan semula dan/atau mengutip jumlah keseluruhan atau sebahagian daripada jumlah hutang yang perlu dibayar oleh anda atau pekerja anda.
- (g)Jika majikan gagal membuat pembayaran bagi semua baki tertunggak atau hutang yang perlu dibayar kepada kami, pemegang kad akan bertanggungjawab terhadap jumlah tersebut.
6. Apakah yang akan terjadi sekiranya saya menjelaskan baki secara sepenuhnya sebelum tempoh matang?
- Tempoh terkunci: Tidak berkenaan
  - Penalti penyelesaian awal: Tidak berkenaan
7. Apakah risiko-risiko utama?
- (a)Jika hanya bayaran minimum bulanan dilakukan, jumlah faedah akan meningkat dan akan mengambil masa yang lebih lama untuk menyelesaikan jumlah penuh. Anda boleh merujuk kepada kalkulator pembayaran di laman web kami untuk pengiraan bayaran balik baki tertunggak.
- (b)Sekiranya anda atau pemegang kad mempunyai kesukaran untuk melakukan pembayaran baki, sila maklumkan kepada kami dengan serta-merta untuk membincangkan alternatif pembayaran.
- (c)Anda perlu melindungi kad kredit dan PIN anda serta tidak mendedahkan maklumat kad atau PIN kepada sesiapa.
- (d)Anda perlu memaklumkan kepada kami dengan serta-merta sebaik sahaja mendapati kad anda hilang, dicuri, disalahguna atau transaksi tanpa kebenaran dilakukan.
- (e)Sila laporkan kepada kami sebarang percanggahan dalam penyata dalam tempoh 60 hari kalendar dari tarikh penyata. Jika gagal berbuat demikian, penyata tersebut akan dianggap sebagai betul, dikemas kini dan tepat.
8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan saya?
- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda bagi memastikan semua bentuk komunikasi sampai kepada anda dengan cepat. Untuk mengemas kini butiran perhubungan anda, sila hubungi kami melalui salah satu saluran berikut:
- (a)Telefon: +603 5870 1199
- (b)Emel: [cards@paydee.co](mailto:cards@paydee.co)
9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?
- (a)Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut atau mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Paydee Visa, sila rujuk laman web kami di [www.paydee.co](http://www.paydee.co). Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi kami melalui saluran di Perenggan 8 di atas.
- (b)Jika anda mempunyai pertanyaan atau aduan anda tidak dapat diselesaikan oleh kami, anda boleh menghubungi:
- Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK  
 Alamat: Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur  
 Telefon: 1 300 88 5465  
 Faks: +603 2174 1515  
 Emel: [bnmteletelink@bnm.gov.my](mailto:bnmteletelink@bnm.gov.my)
10. Produk lain yang boleh didapati:  
Tidak berkenaan.

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA GAGAL MEMATUHI PEMBAYARAN BALIK BAKI KAD KREDIT ANDA.**

Maklumat di dalam Penyata Pendedahan Produk ini sah dari [insert] sehingga tempoh semakan seterusnya.